



## Pelancongan pendidikan di Pulau Pinang: Suatu analisis awal

Ruzanna Syamimi Ramli<sup>1</sup>, Badariah Ab Rahman<sup>1</sup>, Jabil Mapjabil<sup>1</sup>, Logeswaran Tangavello<sup>1</sup>, Rosmiza Mohd Zainol<sup>2</sup>, Mazdi Marzuki<sup>3</sup>, Ruzila Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekutuan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

<sup>3</sup>Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Correspondence: Ruzanna Syamimi Ramli (email: ruzannasyamimi@gmail.com)

### Abstrak

Pelancongan pendidikan merupakan pelancongan alternatif yang semakin popular di Pulau Pinang. Ini menjadi titik tolak kepada perkembangan positif sektor ini berikutan terdapatnya lebih tiga puluh buah institut pengajian tinggi awam dan swasta di negeri ini. Pelancongan pendidikan ditakrifkan sebagai kegiatan yang dilakukan oleh pelancong yang bercuti dalam tempoh semalam dan mereka yang melakukan perjalanan untuk tujuan pendidikan atau pembelajaran sebagai tujuan primer atau sekunder mereka. Terdapat dua perspektif utama dalam pelancongan pendidikan iaitu *education first* dan *tourism first* yang ditunjukkan dalam model asas pelancongan pendidikan. Dengan adanya institut pengajian tinggi yang bertaraf dunia di Pulau Pinang, industri pelancongan turut berkembang dengan limpahan para pelajar dari luar negara yang menjadikan negeri ini sebagai pelopor industri pelancongan menerusi sektor pendidikan. Contohnya seperti Universiti Sains Malaysia dan Allianze College of Medical Sciences. Selain beberapa kolej seperti Kolej Olympia, KDU College, Institut Teknologi Silicon dan Kolej Disted-Stamford. Dari perspektif geografi, lokasi peletakan institusi pengajian tinggi di negeri ini ditunjukkan. Kewujudan pelbagai institut pengajian tinggi di Pulau Pinang telah menarik ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai tahap pengajian dan bidang yang ditawarkan. Para pelajar turut berkesempatan untuk melancong sekitar Pulau Pinang. Malahan, pelancongan pendidikan menjadi salah satu cara untuk mempromosikan Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya di mata dunia.

**Katakunci:** institut pengajian tinggi, pelajar antarabangsa, pelancongan, pelancongan pendidikan, pendidikan, Pulau Pinang

## Educational tourism in Penang: A preliminary analysis

### Abstract

Educational tourism is an increasingly popular newcomer in alternative tourism with its catchy ‘education first’ and ‘tourism first’ dual model. This study found that with the location and operation of many world class institutes of higher education within its geographical boundary, such as the Olympia College, KDU College, Institute of Silicon Technology and Disted-Stamford College Olympia College, KDU College, Institute of Silicon Technology and Disted-Stamford College, Penang was also experiencing the growth of educational tourism as evidenced by the influx of students from abroad. The island state did manage to offer its international students the ideal of combining ‘business’ (study) with pleasures (travel around the island) thus enhancing the tourism reputation of Penang and Malaysia in the eyes of the world.

**Keywords:** education, educational tourism, institute of higher education, international students, Penang, tourism

## Pengenalan

Perkembangan pendidikan dan pelancongan sebagai suatu industri telah memberi impak positif kepada aspek ekonomi dan sosial pada dekad ini (Ritchie, 2006). Menurut Roppolo (1996), banyak negara bergantung antara satu sama lain dalam kejayaan, pertumbuhan dan kepesatan ekonomi melalui kemampuan industri pendidikan dan pelancongan dengan program pertukaran pelajar antarabangsa. Pembangunan dalam industri pelancongan ditambah dengan perubahan dalam pendidikan telah menjadikan kemudahan pendidikan dan pembelajaran sebahagian aspek penting dalam pelancongan pendidikan.

Di Malaysia, pendidikan merupakan salah satu daripada 12 sektor dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economics Areas*, NKEA) selain sektor pelancongan, pertanian, elektrik dan elektronik (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Melalui bidang pendidikan, penekanan diberikan terhadap program pengantarabangsaan pelajar iaitu menarik pelajar asing untuk mengikuti pengajian tinggi di Malaysia. Galakan ini membuka peluang baharu terhadap sektor pelancongan melalui pasaran pelancongan pendidikan di Malaysia. Pada tahun 2009, sektor pendidikan telah menyumbang sebanyak RM27.1 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (Program Transformasi Ekonomi, 2011). Dari sudut pilihan lokasi pengajian tinggi, Malaysia berada pada kedudukan ke-11 di dunia seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Manakala, agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan pelancongan pendidikan adalah Kementerian Pengajian Tinggi sementara Kementerian Pelancongan membantu daripada aspek promosi.

Dalam tempoh yang terdekat ini, Malaysia sedang berusaha untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia Pasifik. Justeru, pelbagai kemudahan dan infrastruktur pendidikan telah disediakan. Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta program usahasama dengan institut pengajian tinggi di luar negara semakin giat melaksanakan pelbagai program untuk menarik lebih ramai pelajar asing menyambung pengajian di Malaysia (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2015).

Pelancongan pendidikan di Malaysia semakin popular dan mula mendapat perhatian daripada para pelajar antarabangsa. Ia dapat dilihat melalui peningkatan bilangan pelajar asing yang menyambung pengajian di pelbagai institut pengajian tinggi di negara ini. Pelancongan pendidikan adalah sub sektor pelancongan yang berasaskan tarikan program pendidikan dan latihan seperti kursus kemahiran, lawatan sambil belajar dan sebagainya. Di Malaysia, pendidikan bertujuan melahirkan individu yang holistik dan bersepada dari segi intelektual, spiritual, emosi dan fizikal. Pihak kerajaan berusaha untuk memastikan pendidikan bertaraf dunia dapat disediakan di negara ini. Para pelajar dari seluruh dunia datang ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ini telah menjadikan Malaysia terkenal sebagai pusat kecemerlangan ilmu peringkat antarabangsa. Pelancongan pendidikan adalah suatu usaha mempromosikan Malaysia di mata dunia. Para pelajar yang telah menamatkan pengajian mungkin akan kembali ke Malaysia bersama-sama rakan-rakan mereka untuk melawat negara ini seterusnya menyumbang kepada tukaran wang asing negara (Sim, 2007).

Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada tahun 2003 hingga tahun 2013. Jumlah pelajar antarabangsa pada tahun 2003 seramai 30,397 orang telah meningkat pada tahun 2013 dengan jumlah pelajar seramai 81,424 orang di semua IPTA dan PTS di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

**Jadual 1. Jumlah pelajar antarabangsa di IPTA dan IPTS pada tahun 2003 – 2013**

Tahun	IPTA	IPTS	Jumlah
2003	5,239	25,158	30,397
2004	5,735	25,939	31,674
2005	6,622	33,903	46,006
2006	7,941	36,449	44,390
2007	14,324	33,604	47,928
2008	19,744	50,679	70,428
2009	22,456	58,294	80,750
2010	24,214	62,705	86,919
2011	25,855	45,246	71,101
2012	26,232	-	26,232
2013	28,826	52,598	81,424

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2013)

### **Perkembangan awal dalam pelancongan pendidikan**

Pelancongan pendidikan dalam konteks perjalanan untuk belajar dan pendidikan bukanlah suatu konsep yang baharu. Perjalanan untuk mencari kelayakan akademik atau belajar telah bermula sejak beberapa abad yang lalu. Smith dan Jenner (1997) menyatakan bahawa pelancongan berupaya memperluaskan fikiran. Dengan itu, mereka berpendapat bahawa semua pelancongan boleh dianggap sebagai pendidikan. Namun begitu, mereka menjelaskan bahawa konsep perjalanan untuk pendidikan dan pembelajaran adalah bidang yang luas dan rumit. Keadaan ini menjelaskan mengapa ahli akademik dan industri pelancongan didapati telah mengabaikan bidang ini untuk suatu tempoh yang panjang. *Grand tour* dianggap sebagai pelancongan budaya dan pendidikan. Pada awalnya, ia dilakukan oleh para sarjana dan pemuda Inggeris aristokratis sebagai sebahagian daripada pendidikan mereka dalam abad ke-17, ke-18 dan abad ke-19 (French et al., 2000; CTC, 2001). Tujuan *grand tour* adalah untuk mengajar dan membudayakan peserta melalui beberapa siri kajian yang berlangsung hingga beberapa tahun di bandar Eropah seperti di Perancis, Switzerland dan Jerman. Peserta diajar bahasa asing, seni bermain pedang, berkuda, menari dan urusan luar negeri.

Towner (1996) menjelaskan bahawa perjalanan awal untuk pendidikan dan pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal adalah bergantung kepada motivasi individu dan jenis pengalaman yang diperolehi. Terdapat dua tahap pola ruang *grand tour* iaitu pencarian untuk pengambilalihan latihan praktikal secara formal dan kemahiran sosial di pusat pendidikan khas untuk pendidikan sosial serta budaya formal yang terbaik dari mahkamah utama dan pusat artistik sosial di Eropah. Namun, kos melakukan *grand tour* dalam sejarah hari ini tidak ekonomik. Walau bagaimanapun, aktiviti berpindah dari semasa ke semasa hanyalah kegiatan golongan atasan iaitu golongan elit dan kaya diikuti kelas pertengahan kemudian kelas yang lebih rendah dalam pasaran massa (Gee et al., 1997). Seterusnya, kesempitan waktu dan kewangan yang dialami oleh kelas pertengahan dan kelas rendah memaksa mereka memendekkan perjalanan mereka. Oleh itu, aktiviti dan tujuan mereka semakin terhad menyebabkan peningkatan perjalanan yang lebih umum (Steinecke, 1993).

Pada pertengahan abad ke-18, dianggarkan 15,000 hingga 20,000 orang Inggeris melancong ke luar negeri (Towner, 1996). Destinasi tujuan elit berubah untuk mengelakkan pasaran massa sehingga kecenderungan minat dan kekerapan lawatan ke daerah Alpine semakin meningkat. Fasa terakhir *grand tour* pada abad ke-18 dan awal abad ke-19 menyumbang kepada penemuan *Alp* sehingga minat sains meningkat kepada isu-isu pergunungan. Peningkatan perjalanan ke pergunungan *Alp* untuk tujuan pendidikan telah menghasilkan penemuan mineralogi, geologi dan geomorfologi dan disampaikan kepada masyarakat melalui ceramah dan penerbitan jurnal sains (Steinecke, 1993).

Menurut Burkart dan Medlik (1981), sebagai lanjutan daripada perjalanan awal untuk pendidikan dan pembelajaran, perjalanan seterusnya adalah untuk memenuhi rasa ingin tahu pengembawa tentang cara hidup di tempat orang atau luar negeri. Pada abad seterusnya, nilai tradisi perjalanan pendidikan memudahkan pembangunan pembelajaran di luar negeri sebagai komponen wajib dalam pendidikan tinggi di Eropah dan Amerika Syarikat (Kalinowski & Weiler, 1992). Pendidikan dan pembelajaran menjadi komponen penting dalam kegiatan perjalanan dan pengalaman perjalanan dengan peningkatan jumlah aktiviti pelancongan yang melibatkan pendidikan sama ada formal atau tidak formal (CTC, 2001). Untuk itu, beberapa kajian telah dilakukan berkaitan dengan pelancongan pendidikan dan hubungan antara pelancongan dengan pembelajaran atau pendidikan serta pelbagai segmen pasaran dalam pelancongan pendidikan.

## Sorotan literatur

Dalam konsep pelancongan pendidikan merangkumi aspek pelancongan dan pendidikan. Aspek pendidikan seperti faktor pemilihan lokasi pengajian dan motif pelajar melanjutkan pengajian. Manakala bagi aspek pelancongan adalah tingkah laku dan pergerakan pelajar sepanjang pengajian di sesebuah institut pengajian. Faktor pemilihan institut pengajian meliputi banyak aspek seperti yang dibincangkan oleh beberapa sarjana. Mazzarol dan Soutar (2002) mengatakan bahawa wujud faktor tolakan dan tarikan yang mempengaruhi pelajar antarabangsa dalam memilih destinasi pengajian. Kualiti pengajian asing lebih baik, peluang kemasukan pengajian tempatan, minat terhadap 'Barat' dan niat untuk bermigrasi merupakan faktor utama yang memotivasi pelajar untuk melanjutkan pelajaran di negara asing. Selain itu, faktor pengaruh dalam memilih negara termasuklah pengaruh ibu bapa, reputasi sesebuah negara, rangkaian alumni yang kukuh, jarak geografi, kos pengajian dan persekitaran sesebuah negara. Faktor tarikan adalah reputasi kualiti, jalinan kerjasama dengan universiti negara asing, kakitangan yang berkaliber, enrolmen pelajar dan kesanggupan untuk mengiktiraf kejayaan seseorang pelajar. Selain itu, imej kolej dan universiti didapati sangat penting dalam menarik pelajar baru untuk melanjutkan pengajian mereka. Kajian ini memberi tumpuan kepada proses membuat keputusan oleh pelajar yang bersedia untuk memohon masuk ke kolej. Tinjauan dibuat terhadap pelajar sekolah menengah di sebuah kolej untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi mereka membuat keputusan permohonan kolej. Hasil daripada analisis multi kaedah mendapati bahawa ciri-ciri institusi lebih mempengaruhi pilihan pelajar berbanding daripada sumber interpersonal atau sumber maklumat yang digunakan oleh pelajar berkenaan (Pampaloni, 2010).

Dalam memahami ruang pergerakan pelancong adalah berkaitan dengan pelajar dengan lokasi yang dilawati oleh mereka. Kehadiran pelajar antarabangsa dalam sesebuah negara turut memberi manfaat yang besar bagi industri pelancongan global. Perjalanan dan penerokaan pelajar semasa cuti semester, pengembawaan secara individu dan kumpulan melalui program mobiliti menunjukkan cara pelajar menterjemahkan edupelancongan atau pelancongan pendidikan dalam meneroka negara tuan rumah semasa pengajian mereka (Habibah et al., 2014).

Sebagai contoh, kajian terhadap faktor-faktor pelajar antarabangsa memilih destinasi pengajian di luar negara dan tingkah laku pelajar antarabangsa sebagai pelancong semasa belajar termasuk semasa mereka menjadi tuan rumah kunjungan daripada rakan atau saudara mara. Sampel kajian terdiri daripada 600 orang pelajar antarabangsa yang belajar di institut pengajian tinggi di Melbourne, Australia. Daripada jumlah itu, 219 orang telah memberi maklum balas. Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan dengan boleh ubah utama yang dikenal pasti iaitu negara asal, jantina dan universiti yang dipilih. Hasil dapatan menunjukkan bahawa komunikasi merupakan medium yang dominan dalam pemilihan destinasi pendidikan. Perjalanan yang diambil sepanjang tempoh pengajian mereka adalah ke Melbourne untuk tujuan persendirian. Tarikan Melbourne yang paling popular adalah *Queen Victoria Market* dan *The Great Ocean Road*. Dapatkan kajian menunjukkan aktiviti berkaitan pelancongan yang dijalankan oleh para

pelajar luar negara menyumbang kira-kira A\$8.2 juta kepada ekonomi Victoria. Angka ini akan melebihi dua kali ganda iaitu kira-kira A\$17.2 juta sekiranya termasuk perbelanjaan melawat rakan dan saudara mara (Michael et al., 2004).

Selain itu, kajian tentang tingkah laku perjalanan pelajar antarabangsa di Universiti Midwestern oleh Hsu dan Sung (1997). Kajian ini memberikan maklumat yang penting dan boleh digunakan untuk mencadangkan strategi dan implikasi dasar kepada perancang serta pengusaha pelancongan. Pada umumnya, aktiviti pelancongan seperti bersiar-siar, melawat bandar dan muzium adalah yang paling popular dalam kalangan responden. Oleh itu, pemasaran pelancongan boleh mencadangkan destinasi tertentu yang mempunyai lokasi bersiar-siar yang menarik, tempat membeli-belah yang bagus dan pelbagai tarikan kemudahan muzium sains, sejarah atau seni yang berpotensi untuk menarik pelancong. Di samping itu, pengiklanan dan promosi diperlukan untuk menonjolkan pengalaman melancong ke lokasi menarik tersebut. Perkhidmatan lain seperti pengangkutan kereta sewa, penginapan di hotel atau motel dan restoran makanan segera paling kerap digunakan oleh pelancong pelajar antarabangsa. Pemasaran perkhidmatan pelancongan pula menyediakan peta jalan yang terperinci, keadaan jalan raya, lokasi makanan segera serta tempat penginapan kerana pelancong pelajar antarabangsa tidak biasa dengan pelbagai lokasi di Amerika Syarikat (Hsu & Sung, 1997).

Pelancongan pendidikan merupakan corak perjalanan yang bertujuan untuk meluaskan pengetahuan, menguasai kemahiran dan harus dijadikan gaya perjalanan yang popular dan sesuai untuk semua peringkat umur. Oleh itu, kajian ini sangat berguna bagi penyelidik untuk meneliti tujuan pelancongan pendidikan dalam kalangan rakyat biasa. Untuk memenuhi objektif ini, Wang (2008) telah melakukan kajian di Dalian terhadap penduduk pada semua peringkat umur untuk mendapatkan kefahaman tentang pelancongan pendidikan. Dengan itu, 600 borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk secara rawak di tempat-tempat awam seperti taman, dataran dan kampus. Daripada 600 borang itu, sebanyak 564 borang soal selidik yang lengkap diisi dan boleh digunakan untuk dianalisis. Hasil kajian mendapat 62.1 peratus daripada jumlah responden menyatakan suka terhadap pelancongan pendidikan. Mereka sanggup untuk melakukan aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan pendidikan pada masa akan datang. Ini menunjukkan penduduk sesebuah bandar turut mempunyai niat dan keinginan yang tinggi untuk melakukan lawatan pendidikan (Wang, 2008).

Di Malaysia, terdapat kajian tentang perilaku pelancongan pelajar antarabangsa di Universiti Multimedia (MMU) di kampus Melaka. Ia melibatkan penelitian sepanjang penginapan mereka di Malaysia dan mengkaji persepsi terhadap pilihan destinasi pelancongan, perkhidmatan penginapan dan pengangkutan berdasarkan tahap kepuasan mereka. Seramai 150 orang pelajar antarabangsa yang menuntut di MMU telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai kaedah pengumpulan data primer. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bandar raya Kuala Lumpur menjadi lokasi pelancongan yang popular dalam kalangan mereka. Manakala penginapan hotel bajet menjadi pilihan penginapan semasa melancong. Mereka memilih mod pengangkutan bas semasa perjalanan. Seterusnya, perjalanan pilihan destinasi dilihat sebagai faktor penting yang mempengaruhi tahap kepuasan responden diikuti dengan penginapan dan pengangkutan (Jason et al., 2011).

Seterusnya, kajian Varasteh et al. (2015) yang melibatkan seramai 409 orang pelajar pascasiswazah antarabangsa di lima universiti penyelidikan (UPM, USM, UM, UTM dan UKM). Hasil kajian mendapat pelajar antarabangsa mempunyai kecenderungan melakukan aktiviti pelancongan terutamanya semasa cuti semester. Mereka memilih menginap di hotel, makan di restoran makanan segera dan mengembara bersama rakan-rakan untuk mendapatkan keseronokan dan mengenal tempat-tempat baru. Selain itu, mereka melakukan aktiviti bersiar-siar, membeli-belah, ke pantai, taman tema dan kunjungan ke muzium.

Manakala kajian Afandi Fikri (2007), beliau telah mengkaji tentang Pembangunan Kandis Resource Centre (KRC) sebagai pemangkin kepada pelancongan pendidikan. Konsep pelancongan pendidikan yang ditekankan ialah lawatan ke muzium dan galeri seni. Pelawat atau pelancong akan mendapat pengalaman dengan melihat sendiri seni ukir kayu. Di samping itu, lawatan berpandu akan diberikan untuk meningkatkan lagi kefahaman, kesedaran dan rasa minat terhadap bahan pameran yang disusun atur di

muzium dan galeri berkenaan. Terdapat pelajar peringkat ijazah yang berminat dalam program ini turut didedahkan dengan pelbagai ilmu yang berkaitan dengan projek dan pengajian mereka. Daripada hasil kajian di KRC, sememangnya ia berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi kunjungan pelancongan pendidikan. Walaupun asas kepada pembangunan KRC adalah tarikan kepada pelancongan kebudayaan dan warisan, namun dengan berkembangnya pelancongan pendidikan di Malaysia didapati ia adalah satu peluang bagi pihak KRC untuk menerajui dan seterusnya menjadi pihak persendirian yang pertama dalam memangkin kepada pelancongan pendidikan di negara ini.

### **Model konseptual pelancongan pendidikan**


Menurut Ritchie (2006), pelancongan pendidikan boleh ditakrifkan sebagai kegiatan yang dilakukan oleh pelancong yang bercuti dalam tempoh semalam dan mereka yang melakukan perjalanan untuk pendidikan atau pembelajaran sebagai tujuan primer atau sekunder mereka. Hal ini merangkumi pelancongan pendidikan secara umum dan pelancongan pendidikan dewasa, universiti antarabangsa dan domestik serta pelancongan pelajar termasuklah sekolah bahasa, lawatan sekolah dan program pertukaran pelajar. Pelancongan pendidikan boleh dilakukan secara bebas atau formal dalam keadaan semula jadi atau buatan manusia. Sebagai contoh, pelajar program pendidikan jarak jauh yang datang dari Johor untuk belajar di Universiti Sains Malaysia dalam tempoh sebulan semasa cuti sekolah akhir tahun. Demikian juga, sekumpulan pelajar Tingkatan Enam dari Kelantan yang datang ke Pulau Langkawi untuk tujuan lawatan sambil belajar selama tiga hari dan pelajar USM yang dihantar ke salah sebuah universiti di Jepun untuk program pertukaran pelajar dalam tempoh satu semester (Ruzanna et al., 2011).

Pelancongan pendidikan juga adalah pelancongan jangka pendek dan tujuan untuk belajar serta memperoleh pengetahuan, mereka yang terlibat adalah para pelajar dan sebilangan kecil guru (Guo, 2000). Aktiviti yang terlibat dalam pelancongan pendidikan adalah pelbagai iaitu mengetahui sebuah sekolah, adat atau budaya, belajar bahasa, menghadiri simposium atau seminar dan menghadiri satu projek akademik atau penyelidikan (Yuan, 2003). Bagaimanapun, maksud utama pelancongan pendidikan adalah mengenai pendidikan dan pembelajaran. Jadi, destinasi pelancongan pendidikan antaranya adalah sekolah terkenal, institut, universiti, tempat bersejarah dan kediaman ulama terkenal. Dengan ini, peserta boleh mendapatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelancongan pendidikan. Pelancongan pendidikan turut dapat memperkayakan pengetahuan dan menaiktarafkan produk pelancong bagi industri pelancongan tempatan.

Banyak takrifan lain yang dikemukakan berkenaan dengan pelancongan pendidikan oleh para sarjana. Pelancongan pendidikan ditakrifkan sebagai suatu program yang melibatkan sekumpulan peserta yang membuat perjalanan ke sesuatu lokasi dengan bertujuan untuk membina pengalaman secara terus. Ia turut melibatkan aktiviti ekopelancongan, pelancongan warisan, pelancongan desa dan pertanian serta program pertukaran pelajar (Rodger, 1998; Ankomah dan Larson, 2000). Pelancongan pendidikan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pertama sebagai penawaran tempat pembelajaran yang formal seperti penubuhan institusi pengajian tinggi dan kedua sebagai memberi ilmu pengetahuan dan pendedahan secara tidak langsung kepada perkara yang berkaitan dalam aktiviti pelancongan. Dalam konteks ini, ia dapat memberikan peluang kepada para remaja, belia atau pelajar untuk mengenali pelbagai tempat menarik yang terdapat di kawasan tarikan pelancongan seperti tempat bersejarah, kebudayaan, ekopelancongan dan sebagainya yang dapat memberikan pengalaman dan pembelajaran kepada mereka (Afandi Fikri, 2007).

Ritchie (2006) mengklasifikasikan konsep pelancongan pendidikan kepada dua perspektif iaitu *tourism first* dan *education first* dalam Rajah 1. Dalam *tourism first* dalam pelancongan pendidikan iaitu pelancongan adalah tujuan utama dan pendidikan menjadi faktor atau tujuan kedua. Manakala dalam *education first* merujuk kepada lawatan sekolah, sekolah bahasa dan universiti serta pengalaman pelajar kolej / universiti (Rajah 1). Tujuan utama kumpulan ini ialah pendidikan dan pembelajaran tetapi mungkin

dikategorikan sebagai pelancong walaupun mereka tidak merasa untuk menjadi pelancong atau jika pelancongan bukan tujuan utama. Namun, mereka mempunyai impak pelancong dan implikasi pembangunan kawasan walaupun tujuan mereka mungkin ke arah pendidikan.



Sumber: Ubahsuai daripada Ritchie (2006)

Rajah 1. Model pelancongan pendidikan

Rajah 1 menunjukkan model yang menggambarkan sejumlah potensi segmen pasaran pelancongan pendidikan dan hubungan di antara pendidikan, pelancongan dan perubahan persekitaran luaran. Pelancongan pendidikan terdiri daripada:

- Perjalanan umum untuk pendidikan (*edutourism*) dan pelancongan pendidikan dewasa iaitu beberapa bentuk pendidikan atau pembelajaran adalah penting dan sebahagian daripada pengalaman pelancongan. Mereka akan menyebut *toursim first* sebagai pengalaman atau produk pelancongan pendidikan.

- [ii] Pelajar universiti atau kolej dan pelancongan pelajar seperti sekolah bahasa, lawatan sekolah dan program pertukaran, pengalaman pelancong boleh menjadi sekunder dalam aspek pendidikan dan boleh dianggap *education first* sebagai pengalaman atau produk pelancongan pendidikan.

Dalam kedua-dua kes ini, pelancongan dan pendidikan atau pembelajaran mungkin motif primer atau sekunder, namun kedua-dua kumpulan ini boleh dianggap sebagai pelancong dan mempunyai kesan yang berkaitan dengan pelancongan dan keperluan yang berbeza. Beberapa kesan atau peluang mungkin tidak sepenuhnya direalisasi atau dimanfaatkan oleh industri pelancongan sebagai segmen yang mungkin menjadikan mereka tidak layak dianggap sebagai pelancong dan industri itu sendiri mungkin juga tidak melihatnya sebagai pasaran pelancongan.

### Pembangunan pelancongan pendidikan di Malaysia

Menurut Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pelancongan pendidikan didapati berpotensi sebagai satu segmen pasaran baru yang berupaya meningkatkan pendapatan tukaran asing, seterusnya mampu mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Pendapatan tukaran asing dari sektor ini meningkat daripada RM220 juta pada tahun 2000 kepada RM450 juta pada tahun 2005. Sebagai usaha untuk menggalakkan pelancongan pendidikan secara berterusan dalam jangka masa panjang, lima Pusat Penggalakan Pendidikan Malaysia didirikan di Beijing, Dubai, Ho Chi Minh, Jakarta dan Jeddah untuk mempromosi peluang pendidikan yang terdapat di Malaysia.

Dalam Laporan Ekonomi 2009/2010 direkodkan tentang prestasi dan prospek pelancongan pendidikan di Malaysia. Negara ini semakin menerima pengiktirafan dunia sebagai destinasi pilihan untuk pendidikan tinggi sekaligus merancakkan lagi industri pelancongan negara. Malaysia kini berada di kedudukan ke-11 dunia sebagai destinasi pelancongan pendidikan seperti mana yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Pelajar antarabangsa di pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta meningkat ketara daripada 1,913 orang pada tahun 1995 kepada 69,164 orang pada tahun 2008. Daripada jumlah ini, hampir satu pertiga berasal dari negara China dan Indonesia sementara bakinya adalah dari Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia Barat (Laporan Ekonomi Malaysia, 2011). Pada akhir Disember tahun 2010, pelajar asing yang belajar di Malaysia melebihi 86,000 orang. Dengan kemudahan moden dan penggunaan teknologi pembelajaran inovatif secara meluas, Malaysia dapat menawarkan pelbagai kursus yang berkualiti tinggi pada kos yang berpatutan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, terdapat 21 institusi pengajian tinggi awam, 43 universiti swasta dan kolej universiti serta lima cawangan kampus universiti asing menawarkan kursus persediaan bahasa, program kemasukan ijazah secara terus, program perkongsian berkembar, program pertukaran jangka pendek serta kursus pendidikan jarak jauh untuk pelajar ijazah dan ijazah lanjutan (Laporan Ekonomi Malaysia, 2011).

Perkembangan pesat dalam pendidikan antarabangsa (*international education*), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah menggubal pelan dan strategi pengajian tinggi yang mantap dan relevan bagi menyahut tuntutan tersebut. Sejajar dengan teras kedua Misi Nasional iaitu, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah digubal pada tahun 2007 dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan asas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkaui tahun 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pelbagai strategi yang digariskan termasuk penambahan bilangan pelajar antarabangsa, peluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) untuk mencapai sasaran enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 200,000 orang menjelang tahun 2020.

Dengan adanya sistem pengajian tinggi yang diiktiraf di peringkat global serta program pertukaran tenaga akademik, pelajar dan kursus pengajian, kolaborasi penyelidikan dan jalinan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) terkemuka di dunia, Malaysia berupaya untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di negara kita. Ini bukan sahaja dapat memanfaatkan pelajar tempatan dari segi pendedahan dan pembangunan minda yang lebih terbuka dan bersifat global, malah ia juga merupakan salah satu sumber pendapatan utama negara yang disalurkan melalui industri pelancongan pendidikan. Dari segi IPT tempatan pula, penjenamaan semula dapat membantu dalam pembentukan profil dan reputasi di peringkat antarabangsa (Liew, 2011).

Selain itu, keberkesanan proses serta jaminan kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah penting dalam menentukan mutu pendidikan. Sehubungan itu, KPTM melalui Agensi Kelayakan Malaysia (2011) telah menyediakan Kerangka Kelayakan Malaysia bagi memantapkan sistem pendidikan tinggi dengan memberi garis panduan yang jelas untuk reka bentuk program dari segi tahap, hasil dan beban pembelajaran agar dapat memudahkan proses pengiktirafan antarabangsa serta mobiliti pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan umum terhadap kelayakan yang dianugerahkan oleh IPT Malaysia.

Menyedari potensi ini, pelbagai langkah telah diambil bagi mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Ia termasuklah menjadikan Malaysia sebagai hub mobiliti pengajian tinggi bagi pelajar antarabangsa, melaksanakan strategi pemasaran yang efektif, menubuhkan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia di bandar terpilih di seluruh dunia serta merintis jalinan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta antarabangsa. Di samping itu, projek bernilai tinggi akan dibangunkan bagi memenuhi permintaan industri pendidikan seperti bandar pendidikan (*EduCity*) Iskandar di Nusajaya yang akan dilaksanakan untuk menawarkan program khusus untuk keperluan pelajar antarabangsa (Laporan Ekonomi Malaysia, 2011).

Seterusnya dalam portal rasmi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Malaysia bercita-cita untuk meletakkan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia Pasifik. Atas matlamat itu, pelbagai kemudahan dan infrastruktur serta kemudahan pendidikan telah diwujudkan. Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta program usahasama dengan institut pengajian tinggi di luar negara semakin giat diadakan untuk menarik lebih ramai pelajar asing menyambung pengajian mereka di Malaysia. Kestabilan politik, situasi dalam negara yang aman, kemajuan teknologi dan penyelidikan serta kadar tukaran asing yang rendah dianggap sebagai faktor yang menjadikan Malaysia persekitaran yang begitu kondusif untuk tujuan pembelajaran. Keharmonian kaum juga membuktikan bahawa masyarakat Malaysia bersedia menerima pelajar dari apa juga latar belakang agama dan budaya. Agensi utama yang membangunkan pelancongan pendidikan ialan Kementerian Pengajian Tinggi sementara Kementerian Pelancongan membantu dari aspek promosi (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, 2015).

Penubuhan institusi pengajian tinggi dan program berkembar dengan universiti luar negara telah menjadi asas kepada pertumbuhan pelancongan pendidikan di Malaysia (Sim, 2007). Sistem pendidikan tinggi di Malaysia merangkumi 20 institut pengajian tinggi awam, 37 institut tinggi swasta dan kolej universiti termasuk lima kampus cawangan universiti antarabangsa dan lebih kurang 450 institusi pendidikan swasta (Badaruddin et al., 2009). Oleh itu, para pelajar asing mempunyai pilihan yang banyak untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma, ijazah pertama atau sarjana. Para pelajar ini kebanyakannya datang dari negara-negara seperti Australia, Finland, Kanada, Amerika Syarikat, Thailand, Indonesia dan lain-lain (Sim, 2007).

## **Institusi pengajian tinggi di Pulau Pinang**

Pelancongan pendidikan sudah lama berkembang di negeri Pulau Pinang. Ini menjadi titik tolak peradaban ilmu berikutnya terdapat lebih 30 institut pengajian tinggi termasuk awam dan swasta berkembang pesat di negeri ini. Dengan adanya pusat-pusat pengajian tinggi yang bertaraf dunia di Pulau Pinang, industri

pelancongan pendidikan juga turut berkembang dengan limpahan para pelajar dari luar negara yang menjadikan negeri ini sebagai pelopor industri pelancongan menerusi sektor pendidikan. Contohnya seperti Universiti Sains Malaysia dan *Allianze College of Medical Sciences*. Selain beberapa kolej seperti KDU College, Institut Teknologi Silicon dan Kolej Disted-Stamford. Berikut adalah senarai institut pengajian tinggi swasta dan awam yang terdapat di Pulau Pinang Jadual 1.

**Jadual 1. Senarai Institut Pengajian Tinggi Swasta dan Awam di Pulau Pinang**

Bil.	Universiti, Kolej Universiti, Kampus Cawangan, Kolej (Institut Pengajian Tinggi Swasta)
1	Akademi Kreatif
2	Allianze University College Of Medical Sciences (AUCMS)
3	Equator Academy of Art
4	Institut Teknologi dan Pengurusan Leboh Victoria
5	Institut Teknologi Butterworth
6	Institut Teknologi Silicon
7	KDU College, Cawangan Pulau Pinang
8	Kemayan Advance Tertiary College (Cawangan Pulau Pinang)
9	Kolej Antarabangsa Excelopolitan
10	Kolej Antarabangsa Kemajuan Pelancongan
11	Kolej Disted
12	Kolej Han Chiang
13	Kolej I-System Bukit Mertajam
14	Kolej INTI Antarabangsa Pulau Pinang
15	Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)
16	Kolej Kejururawatan Adventist
17	Kolej Kejururawatan Lam Wah Ee
18	Kolej Pergigian Antarabangsa Pulau Pinang
19	Kolej Perubatan Pulau Pinang
20	Kolej PTPL Penang
21	Kolej Reliance Pulau Pinang
22	Kolej Segi Pulau Pinang
23	Kolej Surya
24	Kolej Teknologi Antarabangsa Cosmopoint Cawangan Pulau Pinang
25	Kolej Teknologi Pulau
26	Kolej Teknologi Sentral Pulau Pinang
27	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)
28	The One Academy Penang
29	Universiti Terbuka Wawasan (WOU)
Universiti Awam	
30	Universiti Sains Malaysia
31	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang

Sumber: Laman Web Rasmi Jabatan Pengajian Tinggi ([jpt.mohe.gov.my](http://jpt.mohe.gov.my)).

Daripada perspektif geografi dalam pelancongan pendidikan, ditunjukkan lokasi atau peletakan semua institut pengajian tinggi awam dan swasta yang terdapat di Pulau Pinang. Institut pengajian tinggi swasta ini merangkumi universiti, kolej, kolej universiti dan kampus cawangan. Kebanyakan institut pengajian tinggi tertumpu di bandar Pulau Pinang iaitu Georgetown. Pelancongan pendidikan amat popular dalam kalangan para pelajar asing dari pelbagai negara, selain itu di Pulau Pinang terdapat juga bentuk pelancongan lain seperti pelancongan warisan, homestay, perubatan dan pelancongan sukan. Dengan itu, para pelajar asing berpeluang menerokai sekitar negeri ini dengan adanya tempat-tempat pelancongan yang menarik. Ini akan memberikan pengalaman baru kepada mereka apabila pulang ke negara asal nanti.

Sebagai contoh, para pelajar asing yang mengikuti program pertukaran pelajar untuk mempromosikan pelancongan pendidikan di Pulau Pinang kepada rakan-rakan mereka di negara asal. Mereka akan berada di institusi pengajian tinggi untuk tempoh sekurang-kurangnya satu semester atau satu tahun. Mereka ini menjadi wakil kepada negara masing-masing bagi menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar dan sebagai seorang pelancong apabila pulang ke negara asal.

### **Implikasi dasar dan pengurusan**

Memandangkan pelancongan pendidikan mempunyai potensi untuk menjana pendapatan kepada negara, langkah-langkah yang berikut telah diambil untuk menggerakkan sektor pelancongan pendidikan di Malaysia dan Pulau Pinang khususnya:

- Mempercepat kelulusan dan akreditasi kursus institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS)
- Membantu IPTS mendapat pengiktirafan terutama daripada 14 negara yang dikenal pasti dan mewujudkan rangkaian kerjasama antara 30 IPTS terbaik dengan persatuan pendidikan swasta dan agensi promosi, dan
- IPTA dan IPTS disenaraikan mengikut kedudukan prestasi standard antarabangsa.

Sehubungan itu, IPTS digalakkan membentuk perkongsian pintar dan bergabung untuk mewujudkan entiti pendidikan yang teguh dan terkemuka setanding dengan universiti ternama di negara maju. Bagi menyokong usaha ini, kerajaan telah meluluskan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah kepada IPTS yang bergabung. Bagi mempercepat penggabungan, pengecualian cukai tersebut diberi sehingga akhir tahun 2006. Institut pengajian tinggi tempatan pula sedang melipatgandakan usaha untuk mengantarabangsakan kualiti pendidikan yang ditawarkan di Malaysia. Pelbagai usaha dilakukan selaras dengan hasrat tersebut seperti penjenamaan, aktiviti penerbitan korporat dalam dan luaran, program mobiliti antarabangsa, hubungan korporat, penyelidikan pasaran dan analisis, promosi, pemasaran, pengiklanan dan sebagainya bertepatan dengan matlamat untuk mempromosikan pelancongan pendidikan di Malaysia dan Pulau Pinang khususnya ke peringkat global (Sim, 2007).

### **Kesimpulan**

Pelancongan pendidikan semakin terkenal dalam kalangan pelajar antarabangsa dari pelbagai dunia untuk menyambung pengajian di institut pengajian tinggi yang terdapat di Pulau Pinang. Hasil kajian ini mendapati penubuhan institusi pengajian swasta lebih banyak berbanding institusi pengajian awam. Institut pengajian tinggi awam di Pulau Pinang seperti Universiti Sains Malaysia yang menerima ramai pelajar antarabangsa dari pelbagai negara untuk melanjutkan pengajian. Dengan ini, Pulau Pinang menjadi semakin popular dalam industri pelancongan menerusi sektor pendidikan. Secara umumnya, Malaysia mula dikenali sebagai destinasi pilihan utama bagi pengajian tinggi dan lanjutan. Ia turut didorong oleh lebih dari 600 institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian di tahap pra-universiti hingga tahap ijazah tinggi. Para pelajar asing datang ke Malaysia bukan sahaja untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti malah mereka juga mengambil kesempatan ini untuk melancong di sekitar Malaysia. Malaysia menyediakan platform terbaik bagi pelajar asing untuk mengenali tradisi dan kebudayaan negara di Asia selaras dengan konsep "*Malaysia Truly Asia*".

## Rujukan

- Afandi Fikri (2007) Pembangunan Kandis Resource Centre - Pemangkin Pelancongan Pendidikan. (Tesis Sarjana Sains Perancangan Pelancongan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Ankomah PK, Larson RT (2000) Education tourism: A strategy to strategy to sustainable development in Sub-Saharan Africa. *Annals of Tourism Research*.
- Ann TB, Siang LC (2010) Analisis Persepsi tentang Malaysia sebagai Destinasi Pengajian di Kalangan Pelajar China. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-V*, pp.280-292.
- Badaruddin Mohamed, Ambigapathy Pandian, Fauziah Md. Taib, Yang Farina Abdul Aziz, Shukran Abd. Rahman, Sarjit Kaur, Rozinah Jamaludin, Ahmad Nurulazam Md. Zain, Munir Shuib, Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Vikneswaran Nair (2009) *Laporan Akhir Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Burkart AJ, Medlik S (1981) *Tourism: Past, Present and Future*. Heinemann, London.
- Canadian Tourism Commission (CTC) (2001) *Learning Travel: Canadian Adventures Learning Vacations in Canada: An Overview*. Canadian Tourism Commission, Ontario.
- French C, Craig-Smith S, Collier A (2000) *Principles of Tourism*. Pearson Education, French's Forest, Australia.
- Gee C, Makens JC, Choy DJL (1997) *The Travel Industry* (3rd ed.). Van Nostrand Reinhold, New York.
- Guo Yixin (2000) *Vacation Economy*. Guangzhou Economics Press.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Andi Wibowo, Maisarah CA, Mohd Atif J, Khairil Azhar Md. Y, Ibrahim Riyah AJ, Mohammad Saifudin MS, Siti Norsakira M, Amriah Buang, Mastura Mahmud, Yew Wong Chin, Hazita Azman, Mohd Fuad Md Jali, Lam Kuok Choy (2014) Gelagat melancong pelajar ASEAN di Malaysia: Kajian kes di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **10** (8), 124-137.
- Hsu CHC, Shihlin Sung (1997) Travel Behaviors of International Students at a Midwestern University. *Journal of Travel Research* **36** (59).
- Jason MS, Lam BK, Sia Crystal Bee Chen O, Mei ling G (2011) Edutourism: The Study of Tourism Behaviour of International Students in Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Social Science, Economics and Art*, pp.207-212. Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya, Malaysia.
- Kalinowski K, Weiler B (1992) Educational travel. In: Hall CM, Weiler B (eds) *Special Interest Tourism*. Belhaven, London.
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (2015) [Cited 20/7/2015]. Available from: <http://www.motac.gov.my/>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) [Cited: 20/7/2015]. *Perangkaan Pendidikan Negara: Sektor Pengajian Tinggi*. Available from: [ipt.mohe.gov.my](http://ipt.mohe.gov.my).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) [Cited 20/7/2015]. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara*. Available from: <http://www.moe.gov.my/v/pelan-strategik-pendidikan-tinggi-negara>.
- Laporan Ekonomi Malaysia (2011) [Cited: 13/4/2011]. Available from: <http://www.treasury.gov.my>.
- Liew CS (2011) Pendidikan Merentasi Sempadan: Satu Kajian Kes Pelajar China, Iran dan Indonesia di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI 2011*. Melaka Bandaraya Bersejarah. 5-7 Jun.
- Mazzarol T, Soutar GN (2002) "Push-pull" factors influencing international student destination choice. *The International Journal of Educational Management* **16** (2) 82-90.
- Michael I, Armstrong A, King B (2004) The Travel Behaviour of International Students: The Relationship Between Studying Abroad and Their Choice of Tourist Destinations. *Journal of Vacation Marketing* **10** (57).
- Pampaloni AM (2010) The influence of organizational image on college selection: What students seek in institutions of higher education. *Journal of Marketing for Higher Education* **20** (1), 19-48.
- Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi. [Cited Jan 2013]. Available from: [www.epu.gov.my/etp](http://www.epu.gov.my/etp).

- Program Transformasi Ekonomi, Hala Tuju untuk Malaysia. Bab 10: Memperkasakan Industri Pelancongan (2011) [Cited September 2012]. Available from: [www.fkm.utm.my](http://www.fkm.utm.my).
- Rancangan Malaysia Kesembilan. 2006-2010.
- Ritchie BW (2006) *Managing Educational Tourism*. Viva Books Private Limited, India.
- Rodger D (1998) Leisure, learning and travel. *Journal of Physical Education. Recreation and Dance*. **69** (4), 28-31. Daily Times September 1999.
- Roppolo C (1996) International education: What does this mean for universities and tourism? In: Robinson M, Evans N, Callaghan P (eds) *Tourism and Cultural Change*, pp. 191-201. Centre for Travel and Tourism and Business Editorial Press, Sunderland.
- Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil (2011) Kepentingan Memahami Pengalaman dan Ruang Pergerakan Pelancong Pendidikan Antarabangsa kepada Komuniti Setempat. Persidangan Serantau Kearifan Tempatan. Kampung Tok Senik Resort Langkawi, Kedah. 10-11 Oktober.
- Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil (2011) Pengalaman dan Ruang Pergerakan Pelancong Pendidikan: Kajian Kes Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa Universiti Sains Malaysia. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar. Hotel Vistana, Pulau Pinang. 16-17 November.
- Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil (2012) Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia. *Atikan: Jurnal Kajian Pendidikan* **2**(1), 45-66.
- Shanka T, Quintal V, Taylor R (2005) Factors influencing international students' choice of an education destination – A correspondence analysis. *Journal of Marketing for Higher Education* **15** (2), 31-46.
- Sim CL (2007) Pelancongan Pendidikan & Pelancongan MICE. Edu Quest Publisher, Petaling Jaya.
- Smith C, Jenner P (1997) Market segments: Educational tourism. *Travel and Tourism Analyst* **3**, 60-75.
- Steinecke A (1993) The historical development of tourism in Europe. In: Pompl W, Lavery P (eds) *Tourism in Europe: Structures and Developments*, pp.3-12. CAB International, Wallingford.
- Towner J (1996) *An Historical Geography of Recreation and Tourism in the Western World, 1540-1940*. John Wiley, Chichester.
- Varasteh H, Marzuki A, Rasoolimanesh SM (2015) International students' travel behaviour in Malaysia. *Anatolia: An International Journal of Tourism and Hospitality Research* **26** (2), 200-216.
- Wang B, Li S (2008) Education tourism market in China: An explorative study in Dalian. *International Journal of Business and Management* **3**(5), 44-49.
- Yuan Yinwei (2003) Analysis of Japanese Education Tour to China. *Chinese Tourism Post*.